

## Risalah Pemberitahuan Produk

**Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai FWD Kasih. Anda juga patut membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.**

Nama pengendali takaful:	FWD Takaful Berhad ('Pengendali Takaful')
Nama produk:	FWD Kasih
Jumlah dilindungi:	RMxxx,xxx
Tarikh:	dd/mm/yyyy
Pemilik Sijil Induk:	FWD Takaful Berhad

### 1. Apakah produk ini?

- FWD Kasih ialah pelan takaful bertempoh tahunan yang melindungi anda, sebagai Orang Dilindungi, apabila anda meninggal dunia, hilang upaya penuh dan kekal (HUPK), dan terdapat manfaat tambahan jika kematian adalah disebabkan oleh kemalangan. Kami juga akan membayar manfaat khairat kematian sebanyak RM3,000 apabila anda meninggal dunia.
- Kami juga menyediakan perkhidmatan Badal Haji atau derma kepada badan kebajikan apabila anda meninggal dunia atau HUPK.
- Jadual Sijil Takaful ("sijil") anda akan diperbaharui setiap tahun secara automatik sehingga anda mencapai umur 59 tahun pada hari lahir berikutnya dan tamat pada umur 60 tahun.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Tabarru': Derma untuk tujuan takaful.
- Wakalah: Kontrak di mana peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengurus Dana Risiko Peserta dan bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada Pengendali Takaful seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- Ju'alah: Ia adalah ganjaran kepada Pengendali Takaful atas prestasi yang baik dalam pengurusan Dana Risiko Peserta. Pengendali Takaful akan menerima ganjaran dalam bentuk lebihan dari Dana Risiko Peserta, di mana 50% akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan 50% diagihkan kepada Peserta yang layak.
- Qard: Sekiranya Dana Risiko Peserta mengalami defisit, kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah. Pinjaman tersebut akan dibayar daripada lebihan akan datang dari Dana Risiko Peserta.

### 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

- FWD Kasih menyediakan manfaat-manfaat di bawah:

#### Manfaat anda

Orang dilindungi	Jumlah dilindungi	Tempoh
Orang dilindungi	RMxxx,xxx	1 tahun, diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga Orang Dilindungi berumur 59 tahun.

Sila rujuk Ilustrasi Manfaat dan/atau Jadual Sijil Takaful untuk butiran lanjut.

#### Manfaat-manfaat dilindungi

Manfaat kematian	Kami akan membayar 100% jumlah dilindungi apabila anda, sebagai Orang Dilindungi, meninggal dunia.
Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)	Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika anda, mengalami hilang upaya penuh dan kekal. Sila rujuk Jadual Sijil Takaful untuk definisi HUPK.
Manfaat kematian akibat kemalangan	Jika Orang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, kami akan membayar 200% jumlah dilindungi. Sila rujuk Jadual Sijil Takaful untuk definisi kemalangan.
Manfaat khairat kematian*	Kami akan membayar RM3,000 sebagai manfaat khairat kematian jika anda meninggal dunia, sebaik sahaja kami menerima sijil kematian.
Badal Haji/Derma kepada badan kebajikan*	Kami akan membayar kos Badal Haji dan mengaturnya melalui panel penyedia perkhidmatan kami bagi pihak anda, jika anda beragama Islam. Jika anda bukan beragama Islam, kami akan mendermakan RM2,500 bagi pihak anda kepada badan kebajikan.

\*Sumbangan bagi manfaat ini, dibiayai sepenuhnya oleh FWD Takaful Berhad bagi pihak anda.

#### 4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

- Anggaran sumbangan yang perlu anda bayar adalah: RMxxx,xxx <Tahunan/Bulanan>. Ini adalah sumbangan tahun pertama anda. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar bagi tahun-tahun berikutnya disenaraikan di dalam Ilustrasi Manfaat.

Nota:

- Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan kepada anda. Kami akan menukar kadar sumbangan pada ulang tahun sijil anda yang akan datang selepas tempoh notis 3 bulan.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Yuran wakalah akan dikenakan ke atas sumbangan mengikut jadual di bawah:

Yuran Wakalah yang dikenakan ke atas sumbangan anda											
Tahun Sumbangan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11+
Peratus daripada sumbangan	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%	32.5%

Jumlah sumbangan anda, selepas ditolak yuran Wakalah adalah jumlah Tabarru'.

- Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat bagi jumlah yuran Wakalah yang perlu dibayar.

#### 6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan kesihatan, jantina dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh percubaan: Jika anda tidak berpuas hati dengan Jadual Sijil Takaful ("sijil") anda, dan anda belum membuat sebarang tuntutan, anda boleh membatalkan sijil dalam tempoh 15 hari selepas penerimaannya dan menerima balik sumbangan yang telah dibayar. Anda, atau Penama tidak boleh membuat sebarang tuntutan setelah sijil anda dibatalkan.
- Tempoh tangguh: Anda mempunyai tempoh tangguh selama 60 hari dari setiap tarikh sumbangan perlu dibayar untuk membayar sumbangan tersebut.
- Tuntutan: Anda harus memberitahu kami secepat mungkin sekiranya tuntutan akan dibuat di bawah sijil anda.
- Tempoh menunggu: Terdapat tempoh menunggu di bawah sijil anda. Tempoh menunggu selama 30 hari bagi manfaat kematian dan HUPK secara semula jadi.
- Penamatan sijil: Anda boleh menamatkan perlindungan takaful ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sijil anda akan ditamatkan dengan serta-merta sekiranya berlaku salah satu kejadian berikut, yang mana berlaku terlebih dahulu:
  - setelah kematian Orang Dilindungi;
  - setelah bayaran penuh bagi manfaat HUPK;
  - atas permintaan anda untuk membatalkan (menamatkan) sijil anda; atau
  - pada ulang tahun tarikh sijil selepas anda mencapai usia 60 tahun.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Ringkasan Pelan bagi terma dan syarat terperinci di bawah sijil anda.

## 7. Apakah had-had dan pengecualian utama di bawah sijil ini?

Jadual Sijil Takaful (“sijil”) anda mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk sijil anda.

- Kami tidak akan membayar manfaat kematian jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada:

Pengecualian	Penerangan
Bunuh diri	Kami tidak akan membayar manfaat kematian jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula sijil anda. Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.

- Kami tidak akan membayar manfaat HUPK daripada situasi di bawah:

Pengecualian	Penerangan
Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri	Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh Orang Dilindungi dan dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan sijil anda. Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.

- Kami tidak akan membayar manfaat HUPK dan manfaat kematian yang disebabkan oleh kemalangan jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada:

Pengecualian	Penerangan
Tindakan menyalahi undang-undang	Kami tidak akan membayar manfaat ini jika tuntutan dibuat kerana Orang Dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan yang menyalahi undang-undang.
Peperangan	Kami tidak akan membayar manfaat ini jika tuntutan adalah akibat tindakan peperangan (samada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang serupa.

Nota: Sila rujuk Ringkasan Pelan bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah sijil ini.

## 8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

- Ya, anda boleh membatalkan Jadual Sijil Takaful (“sijil”) anda bila-bila masa. Jika anda membatalkan sijil anda, perlindungan yang diberikan akan tamat dari tarikh pembatalan sijil.
- Kami akan menolak daripada sumbangan anda jumlah yang telah digunapakai untuk tempoh perlindungan yang telah berlaku dan memulangkan kepada anda bakinya.  
Jika jumlah yang akan dipulangkan kepada anda adalah kurang daripada atau berjumlah RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank anda, kami akan mendermakan jumlah tersebut kepada badan kebajikan yang kami pilih. Jika jumlah yang akan dipulangkan kepada anda lebih daripada RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank anda, kami akan menyerahkan jumlah berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Anda tidak boleh menghidupkan semula sijil ini selepas anda membatalkannya.
- Menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar sumbangan dalam tempoh tangguh selama 60 hari, sijil anda akan ditamatkan secara automatik.

## 9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

- Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, layari laman web [fwd.com.my](http://fwd.com.my).
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**FWD Takaful Berhad**

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.)

Ibu Pejabat : Tingkat 29 Menara Shell  
211 Jalan Tun Sambanthan Brickfields  
50470 Kuala Lumpur

Talian Khidmat : 03-2771 7737  
Faks : 03-2710 7800  
E-mel : [kasih.my@fwd.com](mailto:kasih.my@fwd.com)

Kami akan memberi respon berkenaan aduan anda dalam tempoh 3 hari bekerja selepas kami menerimanya.

**11. Jenis perlindungan lain yang serupa**

Anda boleh terus menghubungi kami bagi jenis perlindungan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada dd/mm/yyyy.